



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR

**KERATAN AKHBAR
30 MEI 2019 (KHAMIS)**



DISEDIAKAN OLEH :
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT

AKHBAR	Utusan Malaysia
TAJUK BERITA	Bangkitlah Melayu
MUKA SURAT	1

BIL 128 TAHUN KE-55 ■ PP362/12/2012 (031409) ■ RM1.50 (SEMENANJUNG/SABAH/SARAWAK)

MINDA RAKYAT

80
1939-2019
PERJUANGAN & PENGORBAHAN

UTUSAN MALAYSIA

KHAMIS 30.05.19 25 RAMADAN 1440

“Beta menyeru orang Melayu memulakan langkah mulai hari ini merapatkan saf, bersatu padu, melupakan segala sengketa dan perselisihan faham dan mula memikirkan untuk bangkit semula menjadi satu bangsa yang kuat, bermaruah dan bermatlamat, demi kepentingan agama, bangsa dan negara.

Seruan Sultan Sharafuddin Idris Shah agar orang Melayu bersatu

BANGKITLAH MELAYU

Sultan Selangor ketika merasmikan Masjid Taman Seri Muda, Shah Alam semalam menyeru orang Melayu bangkit semula menjadi satu bangsa yang kuat. Baginda bertitah:

“Perpaduan orang Melayu amat penting dan perlu dipelihara demi masa depan dan generasi orang Melayu akan datang

“Orang Melayu perlu bekerja keras, mempunyai pemikiran yang betul dan positif, hala tuju jelas di samping mempunyai nilai murni yang diterapkan oleh Islam.

“Kelemahan boleh diatasi jika orang Melayu ditanam sikap baik sangka, tiada dengki khianat, tiada dendam-mendendam, sifat bekerjasama, saling membantu dan tidak bersikap mementingkan diri dengan melupakan kesusahan bangsa sendiri.

TEKS UCAPAN PENUH DI MUKA 18 & 19



Kerana marahkan isteri, bayi maut ditampar bapa »13



SENYUM KAMBING
Sultan Selangor seru orang Melayu bangkit bersatu.



Ayuh! Kita mulakan.

My QuranHour MALAYSIA #QuranHour

Bacaan surah al-Kahfi di 2,184 lokasi seluruh dunia hari ini »4



'Budak telur' derma RM293,519 kepada mangsa Christchurch »39



AKHBAR	Utusan Malaysia
TAJUK BERITA	Rapatkan saf Melayu
MUKA SURAT	2

2

UTUSAN MALAYSIA • KHAMIS 30 MEI 2019



SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH menyampaikan sumbangan Hari Raya Aidilfitri kepada penerima sempena majlis berbuka puasa bersama rakyat jelata dan penyampaian sumbangan hari raya kepada fakir, miskin dan saudara baru di Masjid Taman Seri Muda, Shah Alam, Selangor, semalam. - UTUSAN/MOHD. SHAHARANI SAIBI

Rapatkan saf Melayu

Oleh **SITI ROHAIZAH ZAINAL**
 pengarang@utusan.com.my

■ SHAH ALAM 29 MEI

SULTAN Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah menitahkan semua orang Melayu supaya memulakan langkah untuk merapatkan saf, bersatu-padu, melupakan segala sengketa dan perselisihan faham.

Malah, Sultan Sharafuddin turut menitahkan supaya orang Melayu mula memikirkan untuk bangkit semula menjadi satu bangsa yang kuat, bermaruah dan bermatlamat, demi kepentingan agama, bangsa dan negara.

“Beta berkeyakinan penuh bahawa jika orang Melayu bersatu dan bekerjasama dengan erat, tiada rintangan yang tidak dapat kita atasi dan orang Melayu pasti akan mencapai kejayaan semula dan menjadi satu bangsa yang kuat dan bermaruah,” titah baginda sempena majlis berbuka puasa dan perasmian Masjid Taman Seri Muda, Seksyen 25 di sini hari ini.

Keberangkatan baginda dalam masjid tersebut kira-kira pukul 6 petang disambut Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah; Menteri Besar, Amirudin Shari dan Mufti Selangor, Datuk Mohd. Tamyas Abdul Wahid.

Baginda berkenan menerima bayaran zakat perniagaan lebih RM9.8juta daripada tujuh syarikat korporat antaranya PLUS Malaysia Berhad, Bank Rakyat dan Jakel Trading Sdn. Bhd.

Sultan Sharafuddin turut berkenan menyampaikan sumbangan bantuan Hari Raya Aidilfitri berjumlah RM198,000 kepada 98 asnaf fakir, 184 orang miskin dan 114 asnaf muallaf.

Sultan Sharafuddin dan rakyat kemudiannya diperdengarkan dengan bacaan ayat-ayat suci al-Quran sebelum berbuka puasa dan menunaikan solat Maghrib, Isyak dan tarawih secara berjemaah. 2

AKHBAR	Utusan Malaysia
TAJUK BERITA	Beta dukacita perpaduan Melayu semakin luntur
MUKA SURAT	18

18 RENCANA

ASSALAMUALAIKUM Warahmatullahi Wa-barakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim.

Segala puji bagi Allah Subhanahu Wataala, Tuhan semesta alam, Selawat dan Salam ke atas junjungan besar Nabi kita Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Alhamdulillah, Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala, kerana dengan limpah kurnia-Nya, sempena bulan Ramadan yang mulia ini Beta berkesempatan untuk hadir ke majlis berbuka puasa bersama rakyat di samping merasmikan Masjid Taman Seri Muda ini yang merupakan masjid kelima yang Beta rasmikan di dalam bulan Ramadan.

Program sebegini memberi ruang kepada Beta untuk bertemu dan beramah mesra dengan rakyat sekalian khususnya masyarakat di kawasan Taman Seri Muda ini. Beta juga bersyukur kepada Allah Subhanahu Wataala kerana dengan berkat doa rakyat jelata, Beta diberi kesihatan yang baik dan dapat menjalankan ibadah puasa.

Di dalam bulan Ramadan yang penuh keberkatan ini, sukacita Beta mengambil kesempatan, untuk menyeru dan memberi peringatan kepada rakyat Beta terutama rakyat Beta yang berketurunan Melayu agar mengutamakan perpaduan di kalangan kita.

Sejak kebelakangan ini, Beta melihat orang Melayu kelihatan semakin lemah dan longlai dari pelbagai aspek kehidupan di dalam arus perkembangan negara masa kini. Beta ingin mengajak orang Melayu untuk merenung dan memikirkan dengan sedalam-dalamnya apakah puncanya orang Melayu semakin lemah dan longlai di tanah air sendiri.

Salah satu perkara yang Beta ingin sentuh di dalam ucapan Beta ini adalah berkaitan semangat perpaduan yang dilihat semakin luntur dalam kalangan orang-orang Melayu.

Beta menegaskan, bahawa perpaduan dalam kalangan orang Melayu amat penting dan perlu dipelihara demi masa depan orang Melayu dan generasi orang Melayu yang akan datang. Perpaduan adalah asas kepada pembangunan sesebuah Negara.

Umat yang berpecah akan membawa kehancuran kepada negara. Perpecahan orang Melayu dilihat begitu teruk sekali terutama apabila wujud banyak kumpulan yang kononnya berjuang atas dasar kepentingan orang Melayu. Ini ditambah buruk apabila kumpulan-kumpulan ini sering mengecam antara

Beta dukacita perpaduan Melayu semakin luntur



“Gejala perpecahan ini menjadi bertambah buruk apabila terdapat segelintir pemimpin Melayu sendiri yang melemparkan cercaan dan sindiran terhadap bangsanya sendiri secara terbuka tanpa sekat dan segan-silu.

satu sama lain umpama menconteng arang sesama sendiri.

Perbalahan dan pertelingkahan secara terbuka sesama kumpulan-kumpulan orang Melayu ini berlaku di media-media sosial dan di media arus perdana.

Perbalahan ini mencakupi semua aspek sehingga perkara kecil pun dijadikan punca kepada pertelingkahan dan kemudiannya mengakibatkan

perpecahan yang semakin ketara. Gejala fitnah-memfitnah yang dilemparkan antara satu pihak dengan pihak lain serta perasaan hasad dengki, pengkhianatan dan perasaan benci yang dipamerkan seolah dijadikan semacam satu budaya dalam kalangan orang Melayu.

Gejala perpecahan ini menjadi bertambah buruk apabila terdapat segelintir pemimpin Melayu sendiri yang melemparkan cercaan dan sindiran terhadap bangsanya sendiri secara terbuka tanpa sekat dan segan-silu. Perpecahan orang Melayu ini telah sampai ke tahap yang amat merisaukan kita semua dan masalah ini amat mendukacitakan Beta.

Apa yang lebih mendukacitakan Beta adalah kerana masyarakat Melayu ini merupakan penganut agama Islam. Semua rakyat terutama penganut agama Islam sedia maklum agama Islam sentiasa mengutamakan nilai-nilai murni diserapkan ke dalam

“Apabila orang Melayu berpecah dan hidup di dalam keadaan porak-peranda, akan ada pihak-pihak lain yang mendapat keuntungannya. Sebaliknya orang Melayu pula akan hilang segala-galanya baik dari segi hak beragama, ekonomi, politik dan pendidikan.

diri seseorang umatnya. Agama Islam juga sentiasa menyeru umatnya agar bersikap jujur dan ikhlas serta mempunyai sifat baik sangka, tolong-menolong, bersatu-padu, bertolak ansur dan sentiasa bersedia untuk memaafkan antara satu sama lain.

Namun demikian semua nilai-nilai murni yang diunjurkan oleh agama Islam

yang sepatutnya mengalir di dalam diri setiap orang Melayu Islam termasuk pemimpin Melayu ini tidak diamalkan, dan seolah-olah kita telah lupa bahawa batas-batas agama menghalang kita untuk berpecah-belah dan bertelingkah sesama kita.

Kita perlu ingat bahawa apabila orang Melayu berpecah dan hidup di dalam keadaan porak-peranda, akan ada pihak-pihak lain yang mendapat keuntungannya. Sebaliknya orang Melayu pula akan hilang segala-galanya baik dari segi hak beragama, ekonomi, politik dan pendidikan.

Adakah kita mahu melihat satu hari nanti orang Melayu hidup merempan dan menjadi hamba di tanah air tempat tumpah darah kita sendiri?

Adakah kita mahu melihat orang Melayu dijajah dari segi agama, ekonomi, kuasa politik, pendidikan, pemikiran dan pelbagai aspek kehidupan yang lain? Jika kita tidak berhati-hati dan berterusan

AKHBAR	Utusan Malaysia
TAJUK BERITA	Beta dukacita perpaduan Melayu semakin luntur
MUKA SURAT	19

UTUSAN MALAYSIA • KHAMIS 30 MEI 2019

RENCANA 19

bertelingkah dan berpecah, sama ada antara orang Melayu ataupun sesama pemimpin Melayu, maka Beta percaya semua perkara yang Beta sebutkan tadi akan menjadi kenyataan dalam tempoh yang terdekat.

Bila Beta bercakap tentang orang Melayu supaya bersatu tidak bermakna Beta seorang *racist*. Beta sebagai Raja di negeri Selangor ini bertanggung jawab dan diamanahkan untuk memelihara perpaduan dalam kalangan rakyat Beta terutama majoriti rakyat Beta berketurunan Melayu beragama Islam.

Beta mahu semua rakyat Beta dapat hidup di negeri Beta dalam keadaan selesa, bersatu-padu, harmoni dan menikmati kekayaan negara secara adil dan sama rata.

Mengambil kira keadaan semasa mengenai perpecahan orang Melayu ini, Beta menyeru kepada semua rakyat Beta yang berketurunan Melayu agar bersatu-padu dan mengeneipkan segala perbalahan. Pemimpin-pemimpin Melayu pula tidak kira dari kumpulan mana, agar menghentikan segala budaya politik retorik dan berhenti dari terus melabelkan orang Melayu dengan pelbagai kecaman yang negatif.

Orang Melayu tidak perlu lagi menerima kritikan terbuka serta sindiran berbentuk kecaman yang boleh menguris hati orang-orang Melayu.

Apa yang diperlukan oleh

“

Pemimpin-pemimpin Melayu pula tidak kira dari kumpulan mana, agar menghentikan segala budaya politik retorik dan berhenti dari terus melabelkan orang Melayu dengan pelbagai kecaman yang negatif. Orang Melayu tidak perlu lagi menerima kritikan terbuka serta sindiran-sindiran yang berbentuk kecaman yang boleh menguris hati orang-orang Melayu.

orang Melayu pada ketika ini adalah perpaduan yang erat antara orang Melayu terutama dalam kalangan pemimpin Melayu dan rakyat berketurunan Melayu.

Orang Melayu perlu bekerja keras, mempunyai pemikiran yang betul dan positif, mempunyai hala tuju jelas di samping mempunyai nilai-nilai murni yang diterapkan oleh Agama Islam.

Kita perlu akui tentang kelemahan yang ada pada orang Melayu namun kelemahan ini boleh diatasi jika sekiranya di kalangan orang Melayu ditanam dengan sikap berbaik sangka, tiada dengki khianat, tiada



SULTAN SHARAFUDDIN menaikan yang diperlukan oleh orang Melayu pada ketika ini adalah perpaduan yang erat antara orang Melayu terutama dalam kalangan pemimpin Melayu dan rakyat berketurunan Melayu.

dendam-menddami, sifat bekerjasama yang erat, saling membantu antara satu sama lain dan tidak hanya bersikap mementingkan diri sendiri dengan melupakan kesesahan yang dihadapi oleh bangsa sendiri.

Para pemimpin terutama pemimpin Melayu perlu memainkan peranan untuk membantu orang Melayu

secara efektif tanpa memberi cercaan dan jolokan tidak baik terhadap orang Melayu hingga menyebabkan orang Melayu terus lemah dan hilang keyakinan.

Pemimpin Melayu jangan hanya memikirkan kepentingan jangka pendek dan hanya semata-mata mencari populariti di dalam satu kumpulan tertentu sehingga mengeneipkan perkara asas di dalam memelihara kepentingan orang Melayu secara keseluruhannya.

Sikap begini hanya menguntungkan kumpulan orang Melayu tertentu sahaja sedangkan majoriti orang Melayu terus mundur dan tenggelam di dalam arus kejayaan negara.

Buat kata pepatah melayu: menang sorak kampung tergadai, menang menjadi arang kalah menjadi abu. Suka Beta mengingatkan kita semula kepada sejarah titik hitam kejatuhan empayar Kesultanan Melaka.

Negeri Melaka yang pada satu ketika dahulu terkenal dengan kegemilangan sebagai pusat perdagangan, pusat perkembangan ekonomi serta penyebaran agama Islam secara meluas, dengan sekelip mata boleh tumbang kepada kuasa luar hanya kerana terdapatnya sifat khianat, hasad dengki, tamak haloba, perpecahan dan perebutan kuasa oleh orang-orang Melayu sendiri di dalam pentadbiran kerajaan Melaka pada ketika itu.

Adakah kita mahu sejarah kejatuhan empayar Kesultanan Melaka ini

berulang kembali pada zaman kita sekarang ini?

Tidaklah kita boleh belajar dari kesilapan yang telah berlaku di dalam kepimpinan orang Melayu ini.

Oleh itu, sempena bulan Ramadan yang mulia ini, di samping kita beribadat kepada Allah Subhanahu Wata'ala, Beta menyeru kepada seluruh orang Melayu agar memulakan langkah mulai hari ini untuk merapatkan saf, bersatu-padu, melupakan segala sengketa dan perselisihan faham dan mula memikirkan untuk bangkit semula menjadi satu bangsa yang kuat, bermaruah dan bermatlamat, demi kepentingan agama, bangsa dan negara kita.

Beta berkeyakinan penuh bahawa jika orang Melayu bersatu dan bekerjasama dengan erat, tiada rintangan yang tidak dapat kita atasi dan orang Melayu pasti akan mencapai kejayaan semula dan menjadi satu bangsa yang kuat dan bermaruah.

Di kesempatan ini Beta mengucapkan selamat menjalini ibadah puasa kepada seluruh umat Islam di negeri Selangor dan selamat menjalankan ibadah terutama di malam-malam terakhir bulan Ramadan ini bagi mengejar malam lailatul qadar.

Semoga amal ibadat yang kita lakukan diterima oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Beta sentiasa berdoa agar negeri Selangor yang kita kasihi ini terus dipelihara Allah Subhanahu Wata'ala sebagai sebuah negeri yang maju, makmur, kehidupan rakyat harmoni serta dijauhi dari malapetaka, bencana dan segala musibah yang tidak kita ingini.

Beta juga menyeru kepada seluruh rakyat negeri Selangor agar berijmat cermat dan berhemah ketika berbelanja menjelang Aidil Fitri ini. Bagi mereka yang akan melakukan perjalanan jauh untuk menziarahi sanak saudara, Beta menasihatkan supaya sentiasa berhati-hati dan berhemah semasa memandu di jalan raya.

Akhir sekali Beta ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Raya Aidilfitri kepada seluruh rakyat Beta yang beragama Islam dan ambillah kesempatan ini untuk mengeratkan lagi silaturrahim di kalangan keluarga dan juga masyarakat. Beta berdoa semoga kita semua mendapat keberkatan dan perlindungan daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Maka dengan lafaz Bismillahir Rahmanir Rahim, Beta dengan sukacitanya merasmikan Masjid ini dengan nama Masjid Taman Seri Muda. 19



SULTAN SHARAFUDDIN bersalaman dengan rakyat Selangor sebelum merasmikan Masjid Taman Seri Muda di Shah Alam.



AKHBAR	Sinar Harian
TAJUK BERITA	Orang Melayu longlai
MUKA SURAT	1



AKHBAR	Sinar Harian
TAJUK BERITA	Dukacita perpecahan orang Melayu
MUKA SURAT	6

6

BUSEEM OF CHAMPA • MAHARAJAH
KHAMIS 30 MEI 2019 • SINAR HARIAN

NASIONAL

Dukacita perpecahan orang Melayu

(Teks penuh stiah ucapan Duli Yang Mulia Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah sempena perasmian Masjid Taman Seri Muda Seksyen 25 di Shah Alam semalam)

Alhamdulillah, Beta bersyukur ke hadirat ALLAH SWT kerana dengan limpah kurnia-NYA, sempena bulan Ramadan yang mulia ini Beta berkesempatan untuk hadir ke majlis berbuka puasa bersama rakyat di samping merasmikan Masjid Taman Seri Muda ini yang merupakan masjid kelima yang Beta rasmikan di dalam bulan Ramadan.

Pada bulan Ramadan yang penuh keberkatan ini, sukacita Beta mengambil kesempatan untuk menyeru dan memberi peringatan kepada rakyat Beta terutama yang berketurunan Melayu agar mengutamakan perpaduan. Sejak kebelakangan ini, Beta melihat orang Melayu kelihatan semakin lemah dan longlai daripada pelbagai aspek kehidupan dalam arus perkembangan negara masa kini. Beta ingin mengajak orang Melayu untuk merengung dan memikirkan sedalam-dalamnya apakah puncanya orang Melayu semakin lemah dan longlai di tanah air sendiri.

Salah satu perkara yang Beta ingin sentuh dalam ucapan ini ialah berkaitan semangat perpaduan yang dilihat semakin luntur dalam kalangan orang Melayu. Beta menegaskan bahawa perpaduan amat penting dan perlu dipelihara demi masa depan orang Melayu sekarang dan akan datang. Perpaduan adalah asas kepada pembangunan sesebuah negara. Umat yang berpecah-belah akan membawa kehancuran kepada negara.

Perpecahan orang Melayu dilihat begitu teruk sekali terutama apabila wujud banyak kumpulan yang kononnya berjuang atas dasar kepentingan orang Melayu. Ini bertambah buruk apabila kumpulan-kumpulan ini sering mengancam antara satu sama lain umpama menconteng arang sesama sendiri. Perbalahan dan pertelingkahan secara terbuka sesama kumpulan-kumpulan orang Melayu ini berlaku di mana-mana termasuklah di media-media sosial dan di media arus perdana.

Perbalahan ini mencakupi semua aspek sehingga perkara kecil pun dijadikan punca dan kemudiannya mengakibatkan perpecahan yang semakin ketara. Gejala fitnah-memfitnah antara satu pihak dengan pihak yang lain serta pe-



Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah menyeru orang Melayu bersatu-padu agar menjadi satu bangsa yang kuat, bermaruah dan bermatlamat demi kepentingan agama, bangsa dan negara.

rasaan hasad dengki, pengkhianatan dan perasaan benci yang dipamerkan seolah-olah dijadikan semacam satu budaya dalam kalangan orang Melayu.

Gejala perpecahan ini menjadi bertambah buruk apabila terdapat segelintir pemimpin Melayu sendiri yang melemparkan cercaan dan sindiran terhadap bangsanya sendiri secara terbuka tanpa sekat dan segan-silu. Perpecahan orang Melayu ini telah sampai ke tahap yang amat merisaukan kita semua dan masalah ini amat mendukacitakan Beta.

Utamakan nilai murni

Apa yang lebih mendukacitakan Beta ialah kerana masyarakat Melayu ini merupakan penganut agama Islam. Semua rakyat terutama penganut agama Islam sedia maklum bahawa agama Islam sentiasa mengutamakan nilai-nilai murni diserapkan ke dalam diri umatnya. Agama Islam juga sentiasa menyeru umatnya agar bersikap jujur dan ikhlas serta mempunyai sifat berbaik sangka, tolong-menolong, bersatu-padu, bertolak ansur dan sentiasa bersedia untuk memaafkan antara satu sama lain.

Namun semua nilai murni yang diunjurkan Islam yang sepatutnya mengalir dalam diri setiap orang Melayu Islam termasuk pemimpin Melayu ini tidak diamalkan, seolah-olah kita lupa bahawa batas-batas agama menghalang kita untuk berpecah-belah dan bertelingkah.

Kita perlu ingat bahawa apabila orang Melayu berpecah dan hidup di dalam keadaan porak-peranda, ada pihak-pihak lain yang akan mendapat keuntungannya.

Orang Melayu pula akan hilang segala-galanya baik dari segi hak beragama, ekonomi, politik dan pendidikan. Adakah kita mahu melihat satu hari nanti orang Melayu hidup merempat dan menjadi hamba di tanah air tempat tempah darah kita sendiri?

Adakah kita mahu melihat orang Melayu dijajah dari segi agama, ekonomi, kuasa politik, pendidikan, pemikiran dan pelbagai aspek kehidupan yang lain? Jika kita tidak berhati-hati dan berterusan bertelingkah dan berpecah, Beta percaya semua perkara yang Beta sebutkan tadi akan menjadi kenyataan dalam tempoh yang terdekat.

Bila Beta bercakap tentang orang Melayu supaya bersatu tidak bermakna Beta seorang rasis. Beta sebagai Raja di negeri Selangor ini bertanggung jawab dan diamanahkan untuk memelihara perpaduan dalam kalangan rakyat Beta terutama kepada majoriti rakyat Beta berketurunan Melayu yang beragama Islam. Beta mahu semua rakyat dapat hidup di negeri Beta dalam keadaan selesa, bersatu-padu, harmoni dan menikmati kekayaan negara secara adil dan sama rata.

Beta menyeru kepada semua rakyat Beta yang berketurunan Melayu agar bersatu-padu dan mengeneipkan segala perbalahan. Pemimpin-pemimpin Melayu pula, tidak kira daripada kumpulan mana perlu menghentikan segala budaya politik retorik dan berhenang daripada terus melabelkan orang Melayu dengan pelbagai kecaman yang negatif. Orang Melayu tidak perlu lagi menerima kritikan terbuka serta sindiran berbentuk kecaman yang boleh

Beta ingin mengajak orang Melayu untuk merengung dan memikirkan dengan sedalam-dalamnya apakah puncanya orang Melayu semakin lemah dan longlai di tanah air sendiri."

- Sultan Sharafuddin Idris Shah

menguris hati orang Melayu.

Apa yang diperlukan oleh orang Melayu pada ketika ini ialah perpaduan yang erat. Orang Melayu perlu bekerja keras, mempunyai pemikiran yang betul dan positif, mempunyai hala tuju yang jelas di samping mempunyai nilai-nilai murni yang diterapkan oleh agama Islam.

Kita perlu akui tentang kelemahan yang ada pada orang Melayu namun kelemahan ini boleh diatasi sekiranya dalam kalangan orang Melayu sendiri ditanam dengan sikap berbaik sangka, tiada dengki khianat, tiada dendam-mendam, sifat bekerjasama yang erat, saling membantu antara satu sama lain dan tidak hanya bersikap mementingkan diri sendiri dengan melupakan kesusahan yang dihadapi oleh bangsa sendiri.

Jangan menang sorak

Pemimpin Melayu perlu memainkan peranan membantu orang Melayu secara efektif tanpa memberi cercaan dan jolokan tidak baik sehingga menyebabkan orang Melayu terus lemah dan hilang keyakinan. Pemimpin Melayu jangan hanya memikirkan kepentingan jangka pendek atau mencari populariti sehingga mengeneipkan perkara asas iaitu memelihara kepentingan orang Melayu secara keseluruhannya.

Sikap begini hanya menguntungkan kumpulan tertentu sahaja sedangkan majoriti orang Melayu terus mundur dan tenggelam dalam arus kejayaan. Bak kata pepatah, menang sorak kampong tergedai. Menang menjadi arang kalah menjadi abu.

Suka Beta mengingatkan semula kepada sejarah titik hitam kejatuhan empayar Kesultanan Melaka. Melaka satu ketika dahulu terkenal sebagai pusat perdagangan, perkembangan ekonomi dan penyebaran agama Islam,

dengan sekeli mata boleh tumbang kepada kuasa luar kerana sifat khianat, hasad dengki, tamak haloba, perpecahan dan perebutan kuasa orang Melayu sendiri dalam pentadbiran kerajaan Melaka. Adakah kita mahu sejarah kejatuhan empayar Kesultanan Melaka ini berulang kembali pada zaman ini? Tidakkah kita boleh belajar daripada kesilapan yang telah berlaku dalam kepimpinan orang Melayu ini.

Sempena bulan Ramadan yang mulia ini, di samping kita beribadat kepada ALAH SWT, Beta menyeru kepada seluruh orang Melayu agar memulakan langkah merapatkan saf, bersatu-padu, melupakan segala sengketa dan perselisihan faham serta memikirkan cara terbaik untuk bangkit semula menjadi satu bangsa yang kuat, bermaruah dan bermatlamat demi kepentingan agama, bangsa dan negara.

Beta yakin jika orang Melayu bersatu dan bekerjasama dengan erat, tiada rintangan yang tidak dapat kita atasi. Orang Melayu pasti akan mencapai kejayaan semula dan menjadi satu bangsa yang kuat dan bermaruah.

Pada kesempatan ini Beta mengucapkan selamat menjalani ibadah puasa kepada seluruh umat Islam dan selamat menjalankan ibadah terutama pada malam-malam terakhir bulan Ramadan bagi mengesakan malam lailatul qadar. Semoga amal ibadat yang kita lakukan diterima ALLAH SWT.

Beta sentiasa berdoa agar negeri Selangor yang kita kasih ini terus dipelihara ALLAH SWT sebagai sebuah negeri yang maju, makmur, kehidupan rakyat yang harmoni serta dijauhi daripada malapetaka, bencana dan segala musibah yang tidak kita ingini.

Beta juga menyeru kepada seluruh rakyat negeri Selangor agar berijhtimam dan berhemah ketika berbelanja. Bagi mereka yang akan melakukan perjalanan jauh untuk menziarahi sanak saudara, Beta menasihatkan supaya sentiasa berhati-hati dan berhemah semasa memandu.

Akhir sekali Beta ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Raya Aidilfitri kepada seluruh rakyat Beta yang beragama Islam dan ambillah kesempatan ini untuk mengeratkan lagi silaturrahim dalam kalangan keluarga dan juga masyarakat. Beta berdoa semoga kita semua mendapat keberkatan dan perlindungan daripada ALLAH SWT. 6

AKHBAR	Sinar Harian
TAJUK BERITA	MPSJ gempur kawasan industri Jun ini
MUKA SURAT	19

MPSJ gempur kawasan industri Jun ini

SUBANG JAYA - Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) akan menggempur semua kawasan industri di bawah pentadbirannya bagi tujuan pemeriksaan lesen operasi serta pematuhan pada syarat lesen ditetapkan.

Pengarah Jabatan Pelesenan MPSJ, Muhammad Azli Miswan berkata, operasi besar-besaran itu akan dilaksanakan di 24 kawasan industri di Subang, Kinrara, Puchong dan Seri Kembangan bermula Jun dan Julai ini.

Beliau berkata, selain pemeriksaan lesen dan kepatuhan pada syarat lesen, MPSJ juga akan memastikan sama ada premis turut melakukan aktiviti kitar semula plastik dan sebagainya.

Menurutnya, antara 24 kawasan industri yang dikenalpasti antaranya di PJS 11, USJ1, PJS7, Taman Perindustrian Kinrara, BK1, Pusat Perindustrian Sinar Puchong 1, 2, 3 serta Taman perindustrian bukit serdang seksyen 14.

“Sebelum operasi ini diadakan, kita harap pihak berkaitan yang belum ada

lesen dapat memanfaatkan masa yang ada untuk memohon lesen.

“Bila serbuan dilakukan dan didapati tiada lesen tindakan akan terus diambil,” katanya pada sidang akhbar selepas Mesyuarat Bulanan MPSJ di Ibu Pejabat MPSJ semalam.

Katanya, MPSJ tidak akan melayan sebarang alasan berikutan tempoh mencukupi sudah diberikan untuk membuat permohonan lesen.

Muhammad Azli berkata, permohonan lesen kini telah dipermudahkan dan MPSJ antara pihak berkuasa tempatan (PBT) yang menggalakkan permohonan lesen secara online.

“Kebanyakan lesen dah boleh pohon secara online dan bagi lesen serta-merta ada 453 aktiviti yang boleh dibuat secara online.

“Jadi kita harap kaedah permohonan secara online ini dapat memudahkan orang ramai dan yang penting jangan guna *runner* bagi mengelak ditipu dari RM70,000 hingga mencecah RM100,000,” katanya. 19



MUHAMMAD AZLI

AKHBAR	Sinar Harian
TAJUK BERITA	Sultan rasmi Masjid Taman Seri Muda
MUKA SURAT	20

KHAMIS 30 MEI 2019 • SINAR HARIAN

ABDUL MANAN - 019-6680275, NIK AMIRULMU'MIN NIK MIN 019-9882695, NORAFIZA JAAFAR - 019-6680258, HIDAYAH HAIROM - 019 - 6680261

Sultan rasmi Masjid Taman Seri Muda

SHAH ALAM - Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah berkenan merasmikan Masjid Taman Seri Muda, Seksyen 25 di sini dan berbuka puasa bersama penduduk semalam.

Ketibaan baginda pada kira-kira 6 petang diiringi bacaan selawat disambut Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah dan Menteri Besar, Amirudin Shari serta pemimpin setempat.

Baginda turut berkenan menyampaikan sumbangan bantuan Hari Raya Aidilfitri berjumlah RM198,000 kepada 98 asnaf fakir, 184 orang miskin serta 114 asnaf mualaf.

Baginda juga berkenan menerima bayaran zakat perniagaan tujuh syarikat korporat berjumlah RM9.87 juta.

Sultan Sharafuddin dan rakyat kemudiannya diperdengarkan bacaan ayat-ayat suci al-Quran sebelum berbuka puasa dan seterusnya menunaikan solat Maghrib, Isyak dan tarawih.



Sultan Sharafuddin berkenan menyampaikan sumbangan Hari Raya Aidilfitri berjumlah RM198,000 kepada asnaf fakir, miskin dan mualaf semalam.

Masjid Taman Seri Muda di bina bagi menggantikan Masjid Al-Falah bagi menampung kapasiti penduduk di Seksyen 25 itu yang kian meningkat.

Masjid dua tingkat itu dibina dengan kos berjumlah RM6.25 juta mampu menampung kapasiti jemaah seramai 800 hingga 1,000 orang. ۞

Pembinaan masjid tersebut bermula pada pertengahan Jun 2011 dan siap sepenuhnya pada Jun 2013 di mana penyerahan kunci telah disempurnakan pada 5 Julai 2013.

Ia turut dilengkapi sistem pendingin udara, kamera litar tertutup (CCTV) yang beroperasi 24 jam dan bilik pengurusan jenazah.

AKHBAR	Sinar Harian
TAJUK BERITA	Lelaki rayu bantuan
MUKA SURAT	23

SINAR HARIAN • KHAMIS 30 MEI 2019

AMPANG

HUBUNGI SKUAD AMPANG / HULU LANGAT: ISMADI ISMAIL- 019 3371003 / 019 6680275

Lelaki rayu bantuan

Pesakit kanser tinggal di sebuah pondok di Bandar Bukit Mahkota

AHMAD ISMADI ISMAIL

BANGI

Seorang pesakit kanser yang tinggal di sebuah pondok di Bandar Bukit Mahkota di sini merayu bantuan orang ramai untuk meringankan bebannya.

Adun Majid, 48, berkata, dia disahkan menghidap kanser prostat tahap satu ketika dirawat di sebuah hospital baru-baru ini dan perlu menjalani pembedahan dalam masa terdekat.

Menurutnya, sebagai petani dan penternak, pendapatannya tidak menentu.



Adun (tengah) dikunjungi oleh Razali (kiri) dan Shahrul di pondoknya di Bandar Bukit Mahkota.

“Kehidupan saya ibarat kais pagi makan pagi kasi petang makan petang. Saya akan menjamah apa yang ada apabila tiba waktu berbuka. Kadangkala ubi rebus atau ikan goreng,” katanya.

Bapa tunggal itu ada dua anak perempuan berusia lima dan 14 tahun yang tinggal di Terengganu.

“Adik-beradik saya ada menghulurkan bantuan tetapi mereka juga perlu menanggung

keluarga,” katanya.

Nasib Adun ibarat sudah jatuh ditimpa tangga apabila dia terpaksa menanggung kerugian akibat hasil pertanian dan penternakannya diserang penyakit tahun lalu.

Adun berkata, dia juga berharap dapat bekalan air bersih untuk kegunaan hariannya.

“Buat masa ini saya guna air kolam untuk mandi dan basuh baju,” katanya.

info

Adun tanggung rugi akibat hasil pertanian dan penternakannya diserang penyakit tahun lalu

Bekas pekerjaanya, Shahrul Sidik, 38, berkata, dia pernah bekerja dengan Adun selama empat tahun.

“Saya selalu datang ke pondok ini melihat keadaan Adun,” katanya.

Sementara itu wakil penduduk Bandar Bukit Mahkota, Razali Abdul Wahab berkata, beliau akan memaklumkan kepada ADUN Semenyih, Zakaria Hanafi mengenai masalah Adun.

Orang ramai yang ingin membantu boleh menyalurkannya ke Akaun CIMB Bank 7023895176 atas nama Adun Majid. 23



AKHBAR	Sinar Harian
TAJUK BERITA	Kes denggi meningkat
MUKA SURAT	23

23

G. HULU LANGAT

Kes denggi meningkat

HULU LANGAT - Jumlah kes denggi di Hulu Langat meningkat 244.1 peratus sehingga 18 Mei lalu berbanding 2,069 kes bagi tempoh sama tahun lalu.

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kajang (MPKj), Datuk Rosli Othman berkata, pihaknya memandang serius peningkatan itu.

“Peningkatan jumlah kes ini amat menggusarkan kami. Daerah Hulu Langat berada di kedudukan ketiga tertinggi di negeri ini dengan jumlah kes terkumpul 5,051 kes melibatkan sembilan kematian,” katanya pada Mesyuarat Penuh MPKj Bil 5/2019 di sini semalam.

Rosli berkata, kes terkumpul di bawah pentadbiran MPKj sehingga 18 Mei lalu ialah 3,704 kes dengan enam kematian.

“Kita mengenal pasti lapan lokaliti hotspot merangkumi DUN Sungai Ramal (5) DUN Kajang, Dusun Tua dan Semenyih masing-masing satu lokaliti hotspot,” katanya.

Beliau berkata, kes daftar mingguan demam denggi di bawah pentadbiran MPKj sehingga 18 Mei lalu ialah sebanyak 205 kes.

“Operasi pembersihan akan dilaksanakan di lokaliti hotspot,” katanya.

23

AKHBAR	Sinar Harian
TAJUK BERITA	'Shopping' raya naik kereta mewah
MUKA SURAT	24

KHAMIS 30 MEI 2019 • SINAR HARIAN

HUBUNGI SKUAD HULU SELANGOR: MOHD RIDZUAN ABU HASSAN - 019-6680259 / 019 6680275

'Shopping' raya naik kereta mewah



Suresh (tengah) dan AJK J3P serta AVC bersama 42 kanak-kanak dari Rumah Anak-anak Yatim As-Solihin Kanchong Darat, Banting di hadapan Mydin di USJ Isnin lalu.

SUBANG JAYA - Seramai 42 kanak-kanak dari Rumah Anak-anak Yatim As-Solihin Kanchong Darat, Banting bukan sahaja dibawa membeli-belah baju raya malah berpeluang menaiki kenderaan mewah.

Mereka diraikan menerusi program Infaq Ramadan-Jom shopping anjuran Jawatankuasa Penyelaras dan Penggerak Peniaga (J3P) Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) dengan kerjasama Kelab Alphard Velfire Malaysia (AVC) di Mydin USJ di sini Isnin lalu.

Turut serta Ahli Dewan Negara, Senator Suresh Singh; Pengerusi J3P, Datuk Kamaruzaman Ibrahim dan Ahli-ahli majlis MPSJ.

Suresh berkata, anak-anak kurang bernasib baik perlu diraikan supaya mereka tidak berasa terpinggir.

"Program sebegini memberi mereka peluang membeli keperluan untuk berhari raya sama seperti kanak-kanak lain," katanya.

Sementara itu, Kamaruzaman berkata,

Infaq Ramadan-Jom shopping julung kali diadakan.

Katanya, setiap AJK yang terdiri daripada peniaga-peniaga kecil pasar malam membuat sumbangan infaq bagi memastikan matlamat program tercapai.

Beliau berkata, sumbangan turut diberikan oleh jawatankuasa penduduk dari JKP Zon 2 dan JKP Zon 15.

"Kita berjaya kumpulkan hampir RM10,000 dan digunakan sepenuhnya untuk bawa 42 anak-anak Rumah As-Solihin ini beli pakaian baharu bagi menyambut Aidilfitri.

"Mereka juga dibawa berbuka puasa di Restoran Nasi Kandar Padang Kota yang ditaja oleh Pengarah Urusan Mydin Mohamed Holdings Berhad (Mydin), Datuk Dr Ameer Ali Mydin dan disajikan dengan hidangan lemak Abg Mie Putra Heights," katanya.

Menurutnya, mereka turut menerima duit raya.

24

AKHBAR	Sinar Harian
TAJUK BERITA	LZS bantu keluarga daif bina rumah
MUKA SURAT	33

LZS bantu keluarga daif bina rumah

SABAK BERNAM - Lembaga Zakat Selangor (LZS) meluluskan bantuan pembinaan sebuah rumah baharu bernilai RM85,000 kepada sebuah keluarga yang hidup serba daif di Simpang Empat Bagan Nakhoda Omar di sini.

LZS menerusi kenyataan di akaun Facebook rasminya memaklumkan pembinaan rumah baharu itu dijangka selesai selepas Aidilfitri.

“Semoga selepas ini, mereka lebih selesa tinggal di rumah baharu,” katanya.

Menurut kenyataan itu, penerima bantuan, Mad Rani Mad Ripin, 62, merupakan asnaf miskin yang menerima bantuan daripada LZS sejak 2009.

“Selain itu, mereka juga menerima bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM),” katanya.

Sebelum ini tular di media sosial berhubung kesengsaraan dilalui keluarga Mad Rani yang hidup serba kedaifan di sebuah rumah usang.

Pemilik akaun Facebook, Perabot Haji Ibrahim Ibrahim memuat naik status meminta pihak berwajib dan orang ramai membantu keluarga tersebut.

“Mereka empat beradik



Lembaga Zakat Selangor

4 hrs

KELUARGA RUMAH UZUR TERIMA RUMAH BARU

Sabak Bernam—Kisah ini mendapat perhatian masyarakat apabila dikongsikan di media sosial.

Pihak Zakat Selangor menjelaskan bahawa keluarga ini adalah asnaf miskin yang menerima bantuan dari Zakat Selangor sejak

LZS memuat naik status mengenai bantuan disalurkan untuk keluarga Md Rani di akaun Facebook rasminya.

terpaksa tinggal di sebuah rumah tidak ber dinding dan tingkap, selain makan tidak teratur.

“Mereka bukan malas, tapi ALLAH uji dengan penyakit keturunan yang sukar dijelaskan di sini.

“Rumah dalam kebun dah semak samun macam dalam hutan dikelilingi banyak nyamuk,” katanya.

ADUN Sungai Air Tawar, **Rizam Ismail** dalam status Facebook peribadinya semalam berkata, beliau mengambil berat setiap permasalahan yang berlaku di kawasan DUN berkenaan.

Katanya, LZS dan JK

melalui usaha sama pemimpin terdahulu sentiasa memantau dan memberi bantuan kepada keluarga terbabit.

“Malah sebelum ini, pihak LZS sudah bersetuju membina rumah baru untuk keluarga ini tetapi tidak mendapat persetujuan bersama dari pihak keluarga tersebut,” katanya.

Bagaimanapun katanya, hasil perbincangan bersama di antara Mad Rani dan LZS, maka satu kata sepakat dicapai dan kontraktor yang dilantik bersetuju membina rumah baharu selepas Aidilfitri. 33

AKHBAR	Sinar Harian
TAJUK BERITA	Sokong program membangunkan jiwa
MUKA SURAT	41

Sokong program membangunkan jiwa manusia

SHAH ALAM - Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Kandis, Mohd Zawawi Ahmad Mughni berkata, beliau menyokong program Children #Quran-Hour yang dianjurkan kerana ia merupakan program yang membangunkan jiwa manusia.

Katanya, al-Quran menghidupkan hati manusia untuk melakukan kebaikan dan meninggalkan segala perkara yang dilarang ALLAH SWT.

"Ada orang hatinya telah mati. Dengan kata lain, mati daripada merasai kesusahan dan kemiskinan orang lain.

"Akan tetapi bagi orang yang hatinya hidup, apabila melihat orang susah dia akan cepat-cepat membantu semampu mungkin. Apabila hati disinari dengan

cahaya al-Quran, kita tidak akan lupa kepada ALLAH, masyarakat, ibu bapa, guru dan rakan-rakan seperjuangan," katanya ketika berucap pada program Children #QuranHour dan Iftar #MyZuriat di Masjid An-Naim Kampung Jalan Kebun, Ahad lalu.

Bagi Nazir Masjid An-Naim, **Muhammad Othman Ahmad Mughni**, program berkenaan adalah yang pertama dianjurkan di masjid tersebut.

"Kita memang ada acara tahunan iaitu tadarus al-Quran. Children #Quran-Hour ini yang pertama dianjurkan dan bagi pihak masjid kita sangat menggalakkan program seumpama ini dianjurkan.

"Saya rasa dari segi matlamat untuk anak-anak melalui program ini sangat



MOHD ZAWAWI



MUHAMMAD OTHMAN



MOHD KHAIRUIZAM

tepat. Ini kerana kanak-kanak mudah untuk menyerap apa yang diajar kepada mereka," katanya.

Tambahnya, pihak masjid turut berlapang dada menjadi tuan rumah bagi program seumpama itu pada masa akan datang.

Sementara itu, Ketua Kampung Jalan Kebun, **Mohd Khairuzam Mohd Tawil**

berkata, program membudayakan al-Quran pada usia muda amat digalakkan kerana ia adalah panduan kehidupan.

"Jika ia dilakukan secara berterusan di masjid kampung ini, saya amat alau-alukan. Bukan sahaja di bulan Ramadan tetapi berterusan ke bulan-bulan lain seperti waktu cuti sekolah supaya terisi masa lapang," katanya.

AKHBAR	The Star Metro
TAJUK BERITA	5,051 cases of dengue in Hulu Langat
MUKA SURAT	2

5,051 cases of dengue in Hulu Langat



Rosli says there are 205 dengue cases reported weekly in MPKj's areas.

By AIDA AHMAD
aidaahmad@thestar.com.my

HULU Langat district was the third highest in Selangor for dengue outbreaks with 5,051 cases involving nine deaths.

This was the official figure up to May 18.

Dengue cases in Hulu Langat increased by 244% compared to the same period last year.

Kajang Municipal Council (MPKj) president Datuk Rosli Othman said the number of cases under MPKj's jurisdiction was 3,704 with six deaths.

He said the total dengue cases reported in Selangor until May 18 was 28,336 with 27 deaths.

"Of the 70 localities under MPKj

with outbreaks, there are eight hotspots in Kajang, Sungai Ramal, Balakong, Dusun Tua and Semenyih," he said at the council's monthly fullboard meeting in Menara MPKj yesterday.

He added that there were 205 reported dengue cases weekly under MPKj's jurisdiction.

"There needs to be a collaborative effort between the council, district and state departments to reduce the number of dengue cases.

"We cannot work in silos," he said.

In the short-term, Rosli said MPKj had identified a number of hotspots for clean-up.

"One main reason for a dengue outbreak is indiscriminate rubbish

dumping.

"If we cannot bring the number of dengue cases down to zero, we need to drastically reduce it," he said.

On another matter, Rosli said there was availability of land in Semenyih for agricultural business for the B40 group.

He said with the challenging economy and rising cost of living, the lower income group was most affected.

"On MPKj's part, we will ease the process of issuing licences to small businesses, and we will liaise with state authorities and relevant departments to streamline agricultural business opportunities to help the lower income group," he added.

sm2



AKHBAR	The Star Metro
TAJUK BERITA	MBPJ gets stricter with dirty eateries
MUKA SURAT	3

News 3

MBPJ gets stricter with dirty eateries

DIRTY eateries in Petaling Jaya beware! The city council (MBPJ) will be taking a stricter stance with revised procedures starting next month.

Petaling Jaya mayor Datuk Mohd Sayuthi Bakar said dirty restaurants were usually allowed to reopen once MBPJ's health officers were satisfied with the premises' clean-up.

"After they (restaurants) are shut down for hygiene offences, we allow them 14 days to clean up but they are usually done in about three days.

"Our officers will visit their premises and if it meets expectations, then the restaurant is allowed to reopen for business," he said during the council's fullboard meeting yesterday.

However, this leniency often received heavy criticism from the public.

MBPJ Health and Environmental Services Department senior assistant director Mahzura Mohd Amin said the public backlash made it look like her team did not do their job.

"When the public visits the restaurant after they reopen for business and find it to be dirty again, they put the blame on us for allowing these premises to operate without conducting a thorough check," said Mahzura.

MBPJ Business and Health Management Committee met on May 14 and decided on the new standard of operation (SOP) effective from June 1.

The new SOP will see first-time offender receiving a 14-day notice to clean up their dirty premises.

If they are able to clean up and comply with all the council regulations before the grace period ends, they will be able to resume business after health department officers have inspected and approved it.

If the same premises is found dirty a second time in the same calendar year, it will be ordered to close for a full seven days before an inspection is conducted.

If they do not maintain their cleanliness for the third time, the restaurant owner will receive a show cause letter from MBPJ and a mandatory two-week closure.

Eateries who have been ordered to close on more than three occasions in a year will have their licences revoked by the city council and no pleas will be entertained.

"We want to tell food operators that we are serious in ensuring cleanliness is maintained, not just during our routine checks but at all times," said Mahzura.

During the fullboard meeting, Sayuthi said MBPJ would be celebrating its 13th anniversary this year and would hold a Compound Collection Campaign from June 1 to 30.

Traffic offenders with summons issued between 1999 and 2016 are offered a flat rate of RM10 per ticket, while those who received compound notices issued in 2017 and 2018 need to pay RM20 for each offence.

Those with traffic and parking compounds from this year will pay a flat RM30 fine per ticket.

"We hope this campaign will encourage more people to pay up their overdue compounds," said Sayuthi. — By CHRISTINA LOW

em3

AKHBAR	The Star Metro
TAJUK BERITA	MPSepang rescinds plant's licence
MUKA SURAT	4

4 News

STARMETRO, THURSDAY 30 MAY 2019

MPSepang rescinds plant's licence

Decision follows complaints from villagers who suffer daily fumes from plastic factory

By VIJENTHI NAIR and GRACE CHEN
metro@thestar.com.my

IN A turnabout, Sepang Municipal Council (MPSepang) has rescinded the temporary licence of a plastic processing factory in Sepang, Selangor.

MPSepang deputy president Muhammad Hafiz Shaari said the council decided to revoke the licence after its councillors unanimously agreed the factory must be shut down to send a strong message against environmental pollution.

"MPSepang issued a six-month licence to the factory upon a request from Environment Department (DOE).

"We had shut down the factory twice before, once in July last year and again two months ago.

"Following the second enforcement action, the illegal factory's operator applied to DOE to be legalised.

"DOE then requested MPSepang to give a temporary licence to enable the factory to prepare an environmental impact assessment report, which is a requirement for a full licence," said Hafiz.

He said the temporary licence was issued in April.

"We conducted checks weekly and found the operations were not environment-friendly.

"The operator did not comply with the planning permission and

we received many complaints from surrounding residents.

"The activity also runs against government policy of not importing plastic waste for recycling. So the factory will be shut down.

"However, we have to give them time to wind down their operations because of the temporary licence," he added.

Residents in Sepang were livid that the local council had allowed a plastic processing factory to continue operations despite their objections.

Residents from the neighbouring villages – Kampung Baru Sepang, Kampung Sungai Keroh Batu 1, Kampung Tanjung Mas Batu 2, Kampung Jelutong Indah Batu 4 and Kampung Baru Sungai Pelek – held a peaceful demonstration in front of the factory's gates.

Sepang and Sungai Pelek Federation of Temple Associations and Organisations chairman Joshua Tee said the factory had been operating illegally for a year before residents found out from its workers that it was processing plastic.

"We sought help from Sungai Pelek assemblyman Ronnie Liu to forward our complaints to MPSepang.

"Much to our relief, authorities closed the factory down in March," said Tee.

But not long after, residents started to hear machinery noises coming from the factory at night.



Residents from five villages held a peaceful demonstration against the plastic processing factory.



Nor Hayati bears the brunt of the fumes because her house is just behind the factory.



Raman says the factory fumes can be detected up to a seven-kilometre radius.



Tee: The factory had been open a year before residents found out it was processing plastic.

"When we checked with authorities, we found out that the local council had given the factory a temporary licence," said former MPSepang councillor Henry Tong.

Villagers then handed a memorandum of protest to MPSepang.

They highlighted Selangor Menteri Besar Amirudin Shari's statement that processing of imported plastic waste would not be allowed in Selangor.

The villagers said they also made a search of the company's name and discovered that the factory was previously shut down for operating illegally in Pulau Indah, Klang, last August.

Meanwhile, Kampung Tanjung Mas Batu 2 resident Nor Hayati Abdul Kadir said she had to suffer

the reek of fumes coming from the factory every night.

"My house is just behind the factory so the smell is very strong. We fear for our health," she said.

Kampung India Batu 2 chief Raman Raju said fumes from the factory could be detected up to a seven-kilometre radius.

He said villagers had come to him complaining of breathing problems and itchy skin.

"We do not want the plastic processing factory here.

"If they can start operations without EIA certification, I have little confidence they will follow procedure in the long run," said Raman.

MPSepang Corporate Unit and Public Relations director Norrehan

Amat Kasman said the council had issued a re-operative permit to the plastic processing factory following a technical review by Kuala Lumpur DOE citing that the plant had built and installed air pollution control equipment and effluent treatment systems as required by Environmental Act 1974.

He said a temporary licence was granted but the plant would only be allowed to operate after DOE approves the EIA report's findings.

Liu hopes MPSepang will cease issuing licenses to companies involved in processing foreign plastic waste.

He revealed that the villagers had lodged a report with Malaysian Anti-Corruption Agency on the matter. sm 4

AKHBAR	The Star Metro
TAJUK BERITA	Royal touch at hotel's event for special children
MUKA SURAT	10

Royal touch at hotel's event for special children

IN THE Ramadan spirit of giving back to those in need, the management of Four Seasons Hotel Kuala Lumpur held a special buka puasa event for 50 special children.

The dinner was graced by Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin.

"Ramadan is a month for forgiveness where Muslims practise self-restraint.

"We at Four Seasons are very happy to be able to break fast with 30 children from Tasputra Perkim and 20 children from the Taman Megah Handicapped and Disabled Children's Home," said hotel general manager Tom Roelens.

He added that this was their first Ramadan since the hotel's opening in July last year.

The Taman Megah home's administration staff K. Manimegalai said the children always look forward to



such events.

"They do not get many opportunities to go out of the home and meet new people. It is also a chance for them to try out different kinds of food," she said.

The home in Petaling Jaya looks after 121 residents, including those with Down Syndrome, autism, cerebral palsy as well as speech and visual impairments.

After the buka puasa buffet, Tengku Permaisuri Norashikin presented duit raya and cookies to the children.



Tengku Permaisuri Norashikin (centre) handing duit raya to a special child during the buka puasa event at Four Seasons Hotel Kuala Lumpur. Looking on is Tasputra Perkim chairman Elahe Norman (left) and Roelens in baju Melayu.

Sm 10

AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK BERITA	Perpecahan melayu merisaukan
MUKA SURAT	1

[FOTO SAIRIEN NAFIS / BH]

PERPECAHAN MELAYU MERISAUKAN

BH
Berita Harian
MERENTAS GENERASI
www.bharian.com.my

B.H
m/s- 1

“Perpecahan orang Melayu dilihat begitu teruk sekali, terutama apabila wujud banyak kumpulan yang kononnya berjuang atas dasar kepentingan orang Melayu. Ini ditambah buruk apabila kumpulan ini sering mengecam di antara satu sama lain umpama menconteng arang sesama sendiri”

Sultan Sharifuddin Idris Shah, Sultan Selangor

→ Ms.2



AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK BERITA	Pemimpin Melayu kena hentu budaya politik retorik
MUKA SURAT	2

Pemimpin Melayu kena henti budaya politik retorik

B.H - m/s - 142

➔ Sultan bimbang cercaan, sindiran terhadap bangsa sendiri secara terbuka cetus porak-peranda

Oleh Norrasyidah Arshad
norrasyidah@bh.com.my

Shah Alam

Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah melancarkan rasa dukacita atas perpecahan orang Melayu yang dilihat berada pada tahap merisaukan.

Sultan Selangor kecewa dan sedih apabila melihat segelintir pemimpin Melayu sendiri mengadakan domba dan mencerca bangsanya yang dibuat secara terbuka.

"Perpecahan orang Melayu dilihat begitu teruk sekali terutama apabila wujud banyak kumpulan yang kononnya berjuang atas dasar kepentingan orang Melayu."

"Ini ditambah buruk apabila kumpulan ini sering mengecam antara satu sama lain umpama menconteng arang sesama sendiri," titah baginda pada Majlis Berbuka Puasa Bersama Rakyat dan Penyampaian Sumbangan Hari Raya serta Perasmian Masjid Taman Seri Muda, Seksyen 25, di sini, semalam.

Raja Muda Selangor, Tengku

Amir Shah turut berangkat ke majlis itu. Yang turut hadir, Menteri Pertahanan, Mohamad Sabu dan Menteri Besar, Amirudin Shari.

Sultan Sharafuddin, gejala fitnah-memfitnah, hasad dengki, pengkhianatan dan perasaan benci dipamerkan seolah-olah dijadikan satu budaya di kalangan orang Melayu.

"Gejala perpecahan ini menjadi bertambah buruk apabila ada segelintir pemimpin Melayu sendiri yang melemparkan cercaan dan sindiran terhadap bangsanya sendiri secara terbuka tanpa sekatan dan segan-silu."

Perpecahan amat merisaukan

"Perpecahan orang Melayu ini sudah sampai ke tahap yang amat merisaukan kita semua dan masalah ini amat mendukacitakan beta," titah baginda.

Sultan Selangor bertitah, jika orang Melayu berpecah dan hidup dalam keadaan porak-peranda, ada pihak yang mendapat keuntungan, sekali gus menyebabkan Melayu akan hilang segala-galanya, baik dari segi hak beragama, ekonomi, politik dan pendidikan.



Sultan Sharafuddin berkenan menyampaikan sumbangan hari raya kepada fakir miskin dan saudara baharu di Masjid Taman Sri Muda Seksyen 25 Shah Alam, semalam.



Jika kita tidak berhati-hati dan berterusan bertelingkah dan berpecah, sama ada antara orang Melayu atau sesama pemimpin Melayu, maka beta percaya semua perkara yang beta sebutkan tadi akan menjadi kenyataan dalam tempoh terdekat"

Sultan Sharafuddin Idris Shah,
Sultan Selangor

Baginda turut melontarkan persoalan adakah rakyat mahu melihat orang Melayu merempat di tanah air yang menjadi tempat tumpah darah sendiri.

"Adakah kita mahu melihat orang Melayu dijajah dari segi agama, ekonomi, kuasa politik, pendidikan, pemikiran dan pelbagai aspek kehidupan yang lain?"

"Jika kita tidak berhati-hati dan berterusan bertelingkah dan berpecah, sama ada antara orang Melayu atau sesama pemimpin Melayu, maka beta percaya semua perkara yang beta sebutkan tadi akan menjadi kenyataan dalam tempoh terdekat," titah baginda.

Sultan Sharafuddin menegaskan, titah baginda yang menyentuh pernyua Melayu bersatu itu bukan bermakna baginda bersikap rasib, sebaliknya atas tanggungjawab dan amanah baginda untuk memelihara perpaduan dalam kalangan rakyat.

Baginda mahu melihat semua rakyat berada dalam keadaan selesa, bersatu-padu, harmoni dan menikmati kekayaan negara secara adil dan sama rata.

"Kepada pemimpin Melayu, ti-

dak kira dari kumpulan mana perlu menghentikan segala budaya politik retorik. Berhenti daripada terus melabelkan orang Melayu dengan pelbagai kecaman negatif.

"Sikap begini hanya menguntungkan kumpulan orang Melayu tertentu sedangkan majoriti orang Melayu terus mundur dan tenggelam dalam arus kejayaan negara."

Akui kelemahan

"Bak kata pepatah 'menang sorak kampung tergedai, menang menjadi arang, kalah menjadi abu,' titah baginda.

Baginda bertitah, sementara orang Melayu harus mengakui kelemahan, ia sebenarnya boleh diatasi sekiranya mereka mempunyai sikap terbaik sangka, tiada dengki khianat dan dendam dan saling saling membantu.

"Pemimpin Melayu jangan hanya memikirkan kepentingan jangka pendek dan hanya mencari populariti dalam satu kumpulan tertentu sehingga mengeneipkan perkara asas dalam memelihara kepentingan orang Melayu keseluruhannya," titah baginda.

[FOTO SAIRIEN NAFIS /BH]

AKHBAR	HARIAN METRO
TAJUK BERITA	Dentuman kuat luar rumah
MUKA SURAT	7

Amirul Aiman Hamsuddin
am@hmetro.com.my

Sabak Bernam

“Mujur saya dan tiga ahli keluarga masuk dalam rumah selepas memotong kulit lembu. Jika tidak, kami mungkin turut disapu kereta itu,” kata Saliza Mohammad, 32.

Wanita itu terselamat selepas kereta Daihatsu Charade dipandu remaja lelaki berusia 17 tahun melanggar garaj rumahnya di Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) Jalan Haji Atan, Kampung Sekendi di sini, kelmarin.

Dalam kejadian jam 4.30 pagi, garaj itu hampir roboh berikutan dua tiang penahan patah termasuk tiang elektrik milik Tenaga Nasional Berhad (TNB) terjejas akibat rempuhan itu.

Difahamkan, ketika kejadian keluarga terbabit me-



SALIZA menunjukkan kereta yang merempuh garaj di rumahnya di PPRT Jalan Haji Atan, Kampung Sekendi, semalam.

H-Metro - m/s-7

Dentuman kuat luar rumah

■ Tiga sekeluarga nyaris disapu kereta terbabas

motong kulit lembu dalam garaj itu dan masuk ke rumah untuk persiapan bersahur.

Saliza berkata, dia yang ketika itu membasuh tangan di dapur terkejut apabila mendengar bunyi dentuman kuat dari luar rumah.

“Saya bergegas keluar dan tergamam melihat garaj yang menjadi tempat kami memotong kulit lembu hampir roboh ke tanah.

“Malah, pelanggaran itu menyebabkan kaca dari kereta bertaburan di kawasan sekitar dan mengenai kulit lembu siap dipotong,” katanya.

Saliza berkata, kulit lembu itu sepatutnya dihantar ke rumah peniaga di Kampung Sungai Pulai, di sini, untuk diproses pada hari kejadian.

Katanya, dia reda dan bersyukur tiada yang cedera da-

lam kejadian itu walaupun menanggung kerugian RM4,000 untuk kos membaiki garaj berkenaan.

“Saya berharap pihak berwajib memandang serius kejadian ini. Jujur saya katakan kebanyakan pemandu atau penunggang motosikal yang melalui kawasan ini memandu secara berbahaya dan tidak memikirkan keselamatan penduduk.

“Selain itu, kawasan ini tidak mempunyai lampu jalan mencukupi. Ia memberi peluang kepada pemandu atau penunggang memecut kenderaan mereka sesuka hati,” katanya.

Sementara itu, nasib menimpa keluarga Saliza mendapat perhatian Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Air Tawar, Rizam Ismail yang menghulurkan bantuan.

“Kaca masuk dalam kulit lembu siap dipotong Saliza Mohammad”

AKHBAR	HARIAN METRO
TAJUK BERITA	Johor, Perak sahaja tepat
MUKA SURAT	20

Mahaizura Abd Malik
mahaizura@hmetro.com.my

Johor, Perak sahaja tepat

Kuala Langat

“Kebanyakan kiblat masjid di Malaysia tidak tepat. Cuma Masjid Diraja Sultan Suleiman dan masjid di Johor dan Perak yang tepat,” demikian dakwa seorang cucu ulama terkenal, Kiai Muhammad Ali Qaribun.

Warga emas itu yang enggan namanya didedahkan mendakwa, kebanyakan kiblat masjid di Malaysia terpesong dari Kaabah selepas beliau berpeluang membuat semakan secara peribadi.


“Sudah banyak tempat saya pergi biasanya sebelum singgah solat di mana-mana masjid saya akan semak kedudukan kiblatnya.

“Apa yang mengejutkan kebanyakan masjid yang pernah saya singgah tidak tepat arah kiblatnya,” katanya.

Katanya, beliau memperoleh ilmu menentukan arah kiblat berpandukan kaedah garis matahari itu daripada datuknya yang memiliki kemahiran ilmu hisab dan falak terutama berkaitan penentuan waktu solat, arah kiblat, tarikh puasa dan hari raya.

“Sejak kecil saya dipelihara datuk (Kiai Ali) dan Allahyarham sempat menurunkan ilmu falaknya kepada saya.

■ Cucu ulama dakwa kebanyakan masjid di Malaysia terpesong dari Kaabah



CUCU bekas ulama menunjukkan lukisan mengenal bacaan kiraan untuk menentukan arah kiblat mengikut hisab ketika ditemui di Jalan Bunga Raya, Kampung Sijangkang.

“Ketika hayatnya, datuk begitu dihormati dan dikagumi, ketinggian ilmu agama dan kemahiran ilmu falaknya membuatkan datuk diberi penghormatan untuk menurunkan ilmu menentukan kiblat kepada Sultan Ala'eddin Suleiman Shah.

“Malah, datuk antara orang penting yang menentukan kiblat Masjid Diraja Sultan

Suleiman, Klang pada awal pembinaannya yang tidak pernah diubah kiblatnya sehingga kini,” katanya.

Menurutnya, sejarah kiblat solat umat Islam bermula dengan peristiwa Allah menurunkan wahyu kepada Rasulullah SAW yang ketika itu solat di Masjid Qiblatain supaya berpaling 180 darjah dari Baitulmaqdis ke Mas-

jidilharam.

“Semasa penghijrahan ke Madinah, Rasulullah berhenti menunaikan solat Asar di Masjid Qiblatain (ketika itu kiblat menghadap Baitulmaqdis).

“Ketika itulah wahyu Allah SWT turun memerintahkan baginda menghadap arah kiblat baru lalu Jibril memusingkan posisi Baginda

“Garis matahari diukur apabila matahari tegak, kita letak tiang dia akan menjadi bayang kena ukur kiri dan kanan kalau sama bayangnya itu dengan tiang itu, maka garis itu boleh dipakai sebagai menentukan arah kiblat”

Sumber

H. Metu - m/s 26

180 darjah menghadap Masjidilharam sebagaimana arah kiblat solat Nabi Adam dan Rasul terdahulu,” katanya.

Beliau berkata, rentetan peristiwa bersejarah pemindahan kiblat umat Islam itu, Rasulullah diajar Malaikat Jibril cara menentukan kiblat.

“Dalam sebuah kitab menyebut Jibril mengajar Rasulullah ilmu mendapatkan garis matahari seluruh dunia bagi menentukan arah kiblat melalui Istisna' A' dzham.

“Kedudukan kiblat diukur berdasarkan garis matahari dunia iaitu garis lintang matahari ke kanan dari Selatan ke Utara Makkah mesti 21 darjah.

“Inilah yang Allah perintahkan Jibril ajar Rasulullah.

“Garis matahari ditukur apabila matahari tegak, kita letak tiang dia akan menjadi bayang, kena ukur kiri dan kanan kalau sama bayangnya itu dengan tiang itu, maka garis itu boleh dipakai sebagai menentukan arah kiblat.

“Saya beri contoh, berpandukan garis Istisna' kedudukan Malaysia ke Makkah adalah 75 darjah (beza lima jam) bersamaan 1 jam 15 darjah 1 darjah 4 minit,” katanya.

Katanya, pesongan arah kiblat kebanyakan masjid dan surau di negara ini digambarkan sejauh 600 batu bersamaan 966 kilometer tersasar dari Makkah.

“Kalau sejauh itu, apa hendak jadi kiblat sebenarnya menghadap ke Karbala bukan Kaabah.

“Ini paling saya takut. Saya sudah ajukan perkara ini kepada banyak pihak berkaitan, namun tiada tindakan perubahan dilakukan hingga kini.

“Saya tiada kepentingan peribadi tetapi demi agama, terpujang kepada mereka. Yang pasti saya sudah laksanakan tanggungjawab saya,” katanya.

AKHBAR	HARIAN METRO
TAJUK BERITA	Tetap dakwa
MUKA SURAT	29

Tetap dakwa

H. Metwo - m/s - 29.

■ MBSA ambil tindakan terhadap pemilik kenderaan miliki kompaun tertunggak

Faliq Lajim
am@hmetro.com.my

Shah Alam

Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) akan meneruskan proses pendakwaan terhadap pemilik kenderaan yang mempunyai kompaun tertunggak walaupun Mahkamah Tinggi, di sini, mengisytiharkan tindakan penundaan dilakukan pihak berkuasa tempatan (PBT) itu sebagai tidak sah.

Timbalan Datuk Bandar Shah Alam Mohd Rashidi Ruslan berkata, langkah menunda kenderaan itu antara tindakan pentadbiran untuk memujuk secara lembut supaya membayar kompaun yang tertunggak.

Katanya, pihaknya akur dengan keputusan mahkamah dan mengikut arahan mengembalikan kenderaan yang ditunda.

“Namun, kami akan mengambil tindakan ke atas kenderaan yang mempunyai kompaun tertunggak di bawah pentadbiran MBSA.

“Apabila kami memulangkan kenderaan yang ditunda, ia sekali gus menyebabkan saman itu akan ‘hidup’ semula. Kemudian, kami akan meneruskan pendakwaan berikutan ia memerlukan proses mahkamah untuk mendakwa mereka yang mempunyai kompaun tertunggak,” katanya dalam sidang media selepas Mesyuarat MBSA, di

sini, semalam.

Dalam pada itu, Mohd Rashidi berkata, orang ramai diminta tidak salah faham dengan keputusan berkenaan seolah-olah MBSA tidak boleh mengeluarkan sebarang kompaun.

“Kami ingin menjelaskan MBSA di bawah bidang kuasanya boleh melaksanakan kompaun berdasarkan peruntukan undang-undang sedia ada. Kami juga masih boleh menunda kenderaan yang menghalang jalan dan tidak membayar tempat letak kenderaan,” katanya.

Media sebelum ini melaporkan Mahkamah Tinggi Shah Alam mengisytiharkan tindakan MBSA menunda kenderaan yang mempunyai kompaun tertunggak adalah tidak sah dan bersifat ultra vires.

“MBSA akur dengan keputusan mahkamah dan mengikut arahan mengembalikan kenderaan yang ditunda”

Mohd Rashidi Ruslan





AKHBAR	HARIAN METRO
TAJUK BERITA	Elak sesak sekitar terminal
MUKA SURAT	29

Elak sesak sekitar terminal

H.M
m/s-29

Shah Alam: Pemantauan dilakukan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) bagi mengawal kesesakan lalu lintas di sekitar kawasan Terminal Bas Seksyen 17, di sini.

Timbalan Datuk Bandar Shah Alam Mohd Rashidi Ruslan berkata, pihaknya dalam proses merangka dan menambah baik hasil maklum balas penduduk serta orang awam yang menggunakan terminal itu.

Katanya, pihak berkuasa tempatan (PBT) itu mengambil maklum berhubung tindakan segelintir pemandu bas yang meletakkan kenderaan mereka di bahu jalan sehingga menimbulkan kesesakan di kawasan berkenaan.

“Kami sudah menyediakan satu tempat letak kenderaan khas yang boleh memuatkan 11 bas pada satu-satu masa. Ia bagi membolehkan pemandu bas yang datang lebih awal un-

tuk menunggu di situ.

“Namun, ada pemandu bas yang kali pertama datang ke terminal itu tidak mengetahui kemudahan berkenaan.

“Oleh itu, kami membantu dari segi penguatkuasaan dengan menjaga aliran trafik dan menemui pemandu bas serta mengarahkan mereka meletakkan kenderaan di lokasi sepatutnya,” katanya dalam sidang media selepas mesyuarat MBSA, di sini, semalam.

Mohd Rashidi berkata, pihaknya turut melaksanakan sistem pembelian tiket bas secara dalam talian bagi penumpang yang menaiki bas di terminal itu.

“Ia antara usaha MBSA bagi membanteras ulat tiket dan memberi keselesaan penumpang di situ.

“Semua tiket bas yang ingin dinaiki perlu dibeli secara dalam talian sebelum ditukar di kaunter terminal

itu. Mereka akan dicaj RMI bagi mencetak tiket itu.

“Hanya pemegang tiket yang boleh masuk selepas mereka mengimbas kod bar tiket,” katanya.

Beliau berkata, MBSA satu-satunya PBT yang mengendalikan sendiri terminal bas di negara ini.

“MBSA satu-satunya badan kerajaan yang melaksanakan walaupun bukan tanggungjawab, tetapi kami mahu menyediakan kemudahan itu bagi kesejahteraan pengguna,” katanya.

Dalam pada itu, Mohd Rashidi berkata, pihaknya mengakui wujud masalah tempat letak kenderaan yang tidak mencukupi terutama musim perayaan.

“Oleh itu, kami bercadang membina tempat letak kenderaan bertingkat yang boleh memuatkan 300 kereta pada satu-satu masa dan dijangka bermula hujung tahun ini,” katanya.